

SEJARAH DAN REKABENTUK MASJID WARISAN KAMPUNG PARIT MELANA DI ALOR GAJAH, MELAKA

¹Suhana Johar, ¹ Mohd. Farid Mohamed

¹ Jabatan Seni Bina dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

*Correspondence e-mail: suhana.johar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Diketahui umum bahawa masjid adalah sebuah binaan struktur yang dibina oleh penganut agama Islam yang berfungsi menyediakan ruang untuk melakukan solat serta aktiviti-aktiviti lain yang berhubungkait dengan kepentingan Islam. Reka bentuk masjid perlulah memenuhi tujuan asal pembinaannya, sementara faktor-faktor lain seperti keadaan setempat juga memberi pengaruh terhadap seni bina masjid tersebut. Objektif kajian Masjid Warisan Kampung Parit Melana adalah untuk mengenalpasti asal usul dan senibina identiti setempat. Kajian di peringkat awalan ini memberi fokus dari segi sejarah, senibina dan kaedah pembinaan masjid lama ini. Hasil kajian menyimpulkan bahawa seni bina masjid merupakan antara seni bina yang memainkan peranan penting dalam pencarian identiti senibina kebangsaan, di samping ia kekal menjadi tumpuan kepada komuniti sebagai pusat ibadah dan pelbagai aktiviti. Oleh itu, masjid warisan seperti Masjid Warisan Kampung Parit Melana perlu dikekalkan untuk rujukan penting bagi generasi akan datang.

Kata kunci: Masjid Warisan Kampung Parit Melana, architectural heritage, design of heritage mosque.

PENGENALAN

Malaysia terkenal dengan kepelbagaian bangunan lama yang memaparkan senibina warisan yang masih berdiri teguh hingga ke hari ini. Keunikan bangunan lama ini mempamerkan kesenian pertukangan dan pembinaannya dan antaranya dapat dilihat pada masjid-masjid lama. Masjid lama ini juga adalah antara bukti kukuh yang memebritahu tentang peradaban dan ketamadunan yang pernah membentuk Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Di antara masjid lama yang menjadi rujukan di kalangan pengkaji sejarah adalah Masjid Warisan Kampung Parit Melana yang terletak di daerah Alor Gajah, Melaka. Lokasi kawasan tersebut berdekatan dengan Belimbing Dalam, Beringin, Krubong dan Durian Tunggal. Menurut PERZIM (2016), melalui laporan teknikal dan cadangan konservasi, masjid tersebut dibina oleh seorang yang berketurunan Arab sekitar tahun 1920 dan kos pembinaan masjid tersebut disumbang oleh penduduk kampung dan orang perseorangan. Tapak asas masjid ini dibina menggunakan batu laterit yang merupakan bahan binaan utama di zaman Portugis. Masjid ini masih mengekalkan rekabentuk seni bina asal walaupun terdapat penambahan ruang untuk keperluan imam namun struktur asalnya masih kekal sama.

Manakala menurut buku laporan Lukisan Terukur Masjid Warisan Kampung Parit Melana oleh Politeknik Merlimau pula ada menyatakan bahawa masjid ini siap dibina oleh penduduk kampung pada tahun 1901 melalui hasil sumbangan anak Khali Bachik, seorang yang berketurunan India-Muslim. Pada tahun 1974, masjid baharu telah dibina bagi menampung keperluan jemaah yang semakin ramai. Hal ini telah menyebabkan masjid ini jarang diguna lagi oleh penduduk dan masjid lama hanya digunakan untuk solat harian dan kelas agama sahaja.

Masjid Warisan Kampung Parit Melana telah diwartakan oleh Perbadanan Muzium Melaka sebagai masjid warisan di bawah Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya 1988. Merujuk kepada Perbadanan Muzium Melaka, kerja-kerja konservasi pertama telah dilaksanakan oleh PERZIM melalui peruntukan Kumpulan Wang Tabung Amanah Pemuliharaan dan Pemugaran pada tahun 2005 dan pada tahun 2010, ia melalui sekali lagi kerja pembaikan melalui peruntukan Pembangunan Negeri Melaka.

Pada tahun 2016, Masjid Al-Rahman iaitu masjid baru telah dirobuhkan untuk pembinaan masjid yang lebih besar. Masjid Warisan Kampung Parit Melana ini digunakan semula untuk solat berjemaah sehingga pembinaan semula Masjid Al-Rahman siap sepenuhnya. Tempoh pembinaannya mengambil masa hampir dua tahun untuk siap. Pada ketika itu, masjid warisan ini dihidupkan semula fungsinya melalui pelbagai aktiviti keagamaan yang dapat dilihat terutamanya pada bulan Ramadhan. Segala aktiviti berjemaah di masjid warisan dihentikan apabila Masjid Al-Rahman yang baru dirasmikan pada bulan Disember 2017.

Kini, Masjid Warisan Kampung Parit Melana tidak digunakan sebagai masjid utama di kawasan tersebut dan hanya aktiviti keagamaan lain seperti kelas agama dan bacaan Yassin menjadi pengisian penggunaannya. Sungguhpun tidak dijadikan sebagai masjid utama, masjid lama ini tetap digunakan dan masih menganjurkan solat berjemaah terutamanya ketika bulan Ramadhan dan banyak digunakan oleh musafir sebagai tempat persinggahan untuk menunaikan solat dan tempat rehat sementara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui kaedah literatur, pemerhatian dan temu bual. Ia dimulakan dengan membuat kajian awalan iaitu dengan mendapatkan maklumat latar belakang bangunan dan kawasan serta persekitarannya. Susulan dari kajian awalan, satu siri lawatan tapak telah dijalankan dan sebanyak 3 lawatan tapak telah dibuat. Dalam sesi lawatan tapak ini juga, sesi temu bual dikendalikan terhadap responden yang telah dikenal pasti dan responden ini adalah terdiri dari masyarakat setempat yang telah lama menetap di Kampung Parit Melana dan pegawai-pegawai yang berkaitan dari PERZIM untuk mendapatkan gambaran mengenai sejarah masjid dan kerja-kerja pembaikan dan konservasi yang telah dijalankan. Lawatan tapak juga melibatkan sesi pengambilan data bangunan, iaitu keluasan, maklumat teknikal binaan bagi menghasilkan satu laporan lukisan terukur bangunan pada masa kajian dijalankan.

SEJARAH MASJID WARISAN KAMPUNG PARIT MELANA

Seiring dengan kegemilangan dan perkembangan agama Islam di tanah Melaka ketika

itu, masjid ini telah dibina berikutan terdapatnya permintaan penduduk setempat untuk mempunyai satu rumah beribadah dan tempat bermusyawarah ketika awal pendudukan mereka di kawasan Parit Melana. Masjid ini dibina sepenuhnya dengan menggunakan tenaga buruh tempatan namun mempunyai ciri senibina yang bercampur antara Cina dan Jawa. Ia juga dibina berasaskan bahan tempatan yang mudah diperolehi pada ketika itu seperti batu laterit yang mempunyai kandungan utamanya dari tanah laterit.

Menurut pendapat salah seorang penduduk kampung ini, Puan Kamariah Sahat telah memberi gambaran mengenai keadaan sekeliling masjid tersebut yang dikelilingi tanaman sawah padi. Di kawasan berbukit iaitu di bahagian belakang masjid ini terdapat tanaman pokok getah yang menjadi sumber ekonomi utama penduduk kampung pada ketika itu. Menurutnya lagi, terdapat sebuah kolam takungan air mata air yang menjadi tumpuan penduduk kampung kerana ianya adalah sumber air utama di kawasan tersebut. (Rujuk Gambarajah 1 dan 2 bagi gambar foto dan ilustrasi masjid). Kolam takungan tersebut dikatakan berteluk di bahagian tengahnya yang berkemungkinan adalah titik punca mata air tersebut. Kolam itu juga mempunyai pelantar kayu dan kedalaman kolam adalah kira-kira sedalam paras pinggang. Kolam takungan sebesar ini dijadikan tempat mandi, tempat berwudhu dan tempat menjalankan aktiviti seperti mencuci pakaian di situ. Air dari takungan ini dibentuk saliran keluarnya ke arah kawasan sawah padi yang berhampiran. Menurut sumber dari temubual, air mata air ini dikatakan mula kering sejak kuari berhampiran dibuka. Sejak itu, kolam ini tidak lagi digunakan dan dirobohkan untuk membina tandas dan tempat berwudhu yang ada pada hari ini.



Gambarajah 1: Ilustrasi masjid bersama kolam takungan berdasarkan gambaran penduduk.



Gambarajah 2: Pandangan belakang masjid.

Masjid Warisan Kampung Parit Melana pernah mengalami kerosakan dari tahun 1972 hingga tahun 2002. Sepanjang tempoh tersebut, kerja-kerja pembaikan telah diusahakan oleh penduduk dan juga pihak yang bertanggungjawab seperti PERZIM. Usaha yang dijalankan adalah bertujuan untuk memelihara masjid supaya bangunan tersebut dapat terus digunakan selain mengekalkan elemen pensejarahan bangunan tersebut. Bagi memastikan kesinambungan penggunaan masjid lama ini, beberapa penambahbaikan telah dibuat antaranya membaiki dan menukar atap lama, mendirikan tandas moden dan menambah bilik stor bagi tujuan penyimpanan barang-barang gunasama penduduk (Gambarajah 3 dan 4). Pembaikan dan pengubahsuaian melalui pembinaan tambahan ini antara lainnya bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada ahli jawatankuasa masjid serta pengguna tidak kira samada kepada penduduk setempat mahupun mereka yang singgah untuk menunaikan solat.



*Gambarajah 3: Pemasangan genting Marseille pada lapisan bumbung kedua dan ketiga
(Sumber Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM))*




*Gambarajah 4: Pembinaan tandas dan tempat wudhu
(Sumber Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM))*

SENIBINA MASJID WARISAN KAMPUNG PARIT MELANA

Masjid Warisan Parit Melana adalah salah satu masjid nusantara yang dibina berdasarkan pengaruh rekabentuk daripada senibina Jawa-Melayu dan ia juga mempunyai ciri pengaruh Cina. Pengaruh Jawa-Melayu jelas pada atap Meru bertingkat yang dibina dan disokong menggunakan kayu cengal sebagai struktur tiang serinya. Bentuk senibina Masjid Warisan Parit Melana ini sangat sinonim berdasarkan corak

budaya Melayu dan Jawa di Indonesia dan Malaysia dan ianya serupa dengan Masjid Demak yang terletak di Indonesia. Ia dibina dengan pelan lantai berbentuk segi empat sama, mempunyai ruang serambi yang mengelilingi masjid dan berbumbung piramid atau meru yang berlapis antara satu tingkat dengan tingkat yang lain. Keunikan senibinaanya dapat dilihat dari ciri ornamen atau ragam hias yang menggambarkan pengaruh senibina yang dibawa masuk dari negara luar. Gambarajah 5 adalah pelan bumbung, lantai, dan pandangan sisi masjid lama ini.



Gambarajah 5: Lukisan Pelan Bumbung, Pelan Lantai, Tampak Hadapan dan Tampak Kanan



Gambarajah 6: Masjid Warisan Kampung Parit Melana mempunyai bumbung tiga lapis.



Gambarajah 7: Perabung sulur bayu

Kaedah struktur rangka utama adalah melalui penggunaan teknik tiang dan rasuk. Pelan masjid ini berbentuk petak disertai dengan tiga lapis bumbung yang diakhiri dengan bumbung kecil berbentuk piramid di bahagian paling atas (rujuk Gambarajah 6). Bumbung yang paling atas dinaikkan lebih tinggi berbanding dua bumbung di bawahnya. Di bawah bumbung teratas terdapat tingkap 'klerestori' yang berfungsi bagi mengalakkan cahaya semulajadi dan pengudaraan untuk masuk melalui tingkap tersebut. Setiap perabung bumbung itu mempunyai ukiran 'sulur bayu' yang mempunyai sedikit pengaruh Senibina Cina (Gambarajah 7).

Berkenaan pengaruh bahan dan rekabentuk bumbung pula, ia dikatakan berasal dari Belanda dan juga Cina. Penjajahan Melaka oleh Belanda dikatakan penyebab mengapa pandangan struktur binaan bumbung adalah dari Belanda. Bagi 'Sulur Bayu' yang terdapat di bahagian perabung bumbung kedua dan ketiga pula dikatakan mempunyai pengaruh Cina, dan ini adalah kerana kemasukan buruh cina yang secara tidak langsung telah memberi kesan kepada rekabentuk senibina di Melaka.

Terdapat satu ukiran yang berada di atas bumbung yang paling tinggi dikenali sebagai Mahkota Atap (rujuk Gambarajah 8). Dikatakan ianya diperbuat daripada batu karang yang ditumbuk hancur lalu diadun bersama telur bagi melekatkan bahan tersebut dan kemudiannya dibentuk menjadi satu arca yang dinamakan mahkota atap masjid. Disesetengah kawasan nusantara lain, ornamen ini dikenali dengan nama 'Martabha' atau 'Martaba'.



Gambarajah 8: Mahkota atap yang terletak di bahagian paling atas bumbung.

Dewan sembahyang utama Masjid Warisan Kampung Parit Melana ini dikelilingi dinding batu yang diperbuat dari tanah laterit. Ia direkabentuk pula dengan mempunyai empat batang tiang utama di tengah ruang dewan solat. Fungsi tiang utama ini adalah sebagai struktur tiang yang menyokong bumbung tiga lapis masjid ini (Gambarajah 10 dan 11).



Gambarajah 10: Struktur tiang masjid dibahagian balkoni.



Gambarajah 11: Rekabentuk tiang utama dan tiang-tiang sokongan yang terdapat pada bangunan masjid lama ini.

Bagi bahagian kemas bangunan untuk elemen lantai, masjid ini menggunakan kemas terracotta dan kemudiannya dihamparkan dengan permaidani khususnya di bahagian dewan solat. Menurut sumber temubual, struktur lantai dahulunya dibina dari kayu keras dan kemudiannya digantikan dengan lapisan papak lantai yang bersimen dan dibina setinggi 1 meter dari aras tanah. binaan bata laterit Lantainya setinggi 1 meter dari aras tanah.

Bangunan masjid lama ini mendapat pencahayaan semulajadi menerusi rekabentuk bumbung tingkatan yang berlohong di antara satu tingkat dengan tingkat seterusnya. Bukaannya seperti dari tingkap yang dibina besar dan tiga pintu yang terletak di setiap sisi bangunan (kecuali di bahagian hadapan) turut membantu memberi pencahayaan ke dalam ruang solat masjid. Bukaannya ini turut membenarkan pengudaraan semulajadi masuk ke dalam bangunan. Sungguhpun bangunan ini mempunyai bukaan yang agak luas, ini tidak bermakna ia tidak menggunakan bantuan kipas dan penyaman udara. Memandangkan dahulunya bangunan ini dikelilingi dengan pokok, maka penggunaan kipas tidak diperlukan. Namun di sebabkan sekeliling masjid ini tidak

mempunyai teduhan, dan telah banyak kerja-kerja pembangunan dijalankan di persekitarannya, penggunaan alat seperti kipas dan penyaman udara dilihat perlu bagi memberi keselesaan termal terhadap pengguna masjid ini. Selain itu, masjid ini juga dikelilingi dengan serambi yang mempunyai anak tangga di setiap sisi bahagian kecuali di bahagian hadapan masjid.

Antara perabot-perabot yang terdapat di ruang solat masjid ini adalah seperti mimbar kayu dan lampu *Chandelier*. Mimbar kayu masjid ini tidak lagi digunakan sejak ia tidak lagi menjadi masjid utama bagi kegunaan solat jumaat, dan ia telah diserahkan kepada Muzium Islam Melaka untuk simpanan sejarah (Gambarajah 12). Di ruangan tengah masjid ini juga terdapat satu lampu *Chandelier*. Lampu ini dahulunya menggunakan minyak gasolin sebagai bahan api dan ia merupakan lampu utama ketika waktu malam. Lampu ini digantung di tengah-tengah antara 4 tiang utama masjid dan sambungannya ke bumbung dengan menggunakan sistem tanggam. Kini, lampu *Chandelier* tersebut tidak digunakan dan hanya digantung sebagai hiasan masjid dan fungsi pencahayaan digantikan dengan lampu kalimantang yang di pasang di kiri dan kanan ruang solat masjid (rujuk Gambarajah 13 bagi ruang dalaman masjid). Manakala perabot-perabot lain seperti rak buku adalah dari jenis mudah alih dan hanya terdapat satu yang digunakan bagi meletakkan Al-Quran dan buku-buku bacaan agama.

Menurut penduduk setempat, masjid ini pada asalnya mempunyai beduk. Penggunaan beduk tidak lagi digunakan di Masjid Warisan Kampung Parit Melana dan digantikan dengan sistem PA seperti yang boleh dilihat di kebanyakan masjid-masjid lama yang lain. Beduk yang diperbuat daripada sebatang kayu yang berlubang di bahagian tengah, dijadikan sebagai gendang bagi memberitahu waktu sembahyang kepada penduduk setempat. Diperbuat daripada kayu keras seperti cengal, merbau, berlian dan jati, beduk ini biasanya digantung di bahagian hadapan masjid. Kini, beduk telah disimpan atau disesetengah masjid lama, ia dibiarkan tergantung sebagai satu kenangan sejarah


Ruang wuduk dibina berasingan dari bangunan masjid. Jika dahulunya, tempat berwuduk adalah kolam takungan, kini digantikan dengan menggunakan pili air yang disalurkan dari sistem bekalan air kepada penduduk setempat. Ruang berwuduk ini dibina di bahagian penjuru kawasan masjid yang berdekatan dengan ruang tandas dan stor penyimpanan barang yang kecil.



Gambarajah 12: Mimbar asal Masjid Warisan Kampung Parit Melana yang kini dipamerkan di Muzium Islam Melaka.



Gambarajah 13: Gambar dalaman masjid.



Gambarajah 14: Pandangan Axonometrik dari penyelidikan ini.

ANALISIS PENGARUH SENIBINA DAN CIRI KELESTARIAN MASJID WARISAN KAMPUNG PARIT MELANA

Bahagian ini merupakan analisis terhadap pengaruh senibina yang terdapat pada elemen-elemen bangunan tersebut. Ciri kelestarian masjid ini juga dikenal pasti bagi menjelaskan keistimewaan binaan bangunan lama ini.

Elemen/ Komponen	Ciri, rekabentuk dan binaan	Pengaruh Senibina
Bumbung	Berbentuk seperti piramid, 3 lapis dan mempunyai ruang pengudaraan semulajadi. Struktur bumbung dari kayu keras, kemas siling dari susunan panel kayu (dibahagian dalam), dan ditutup dengan atap genting dibahagian luar. Setiap	Senibina Jawa terpapar pada binaan bumbung piramid berlapis tiga. Ini dapat dijelaskan menerusi

	hujung bumbung termasuk puncak bumbung dihias dengan ukiran yang dinamakan Perabung Sulur Bayu dan Mahkota Atap.	pengamatan terhadap masjid tertua di nusantara iaitu masjid Demak yang terletak di Indonesia.
Dinding	Dinding masjid diperbuat daripada bata laterit dan dikemaskan dengan kemas plaster dan cat berwarna putih.	-
Lantai	Lantai masjid dibina dari konkrit dan struktur lantai dari kayu keras. Lantai dikemaskan dengan pemasangan Jubin di bahagian serambi dan permaidani digunakan di seluruh kawasan dewan solat (bahagian dalaman masjid).	Senibina Rumah Melayu lama
Struktur bangunan (tiang dan rasuk)	Struktur tiang dan rasuk bangunan menggunakan kayu keras dan pelapik tiang (column stump) adalah diperbuat dari binaan bata laterit yang dikemaskan dengan plaster dan cat. Sambungan antara sistem struktur menggunakan konsep tanggam	Pembinaan bagi struktur ini menampilkan kesenian pertukangan melayu lama iaitu dari segi penggunaan tanggam bagi penyambungan rasuk dan tiang.
Serambi	Serambi dibina mengelilingi masjid (kecuali di bahagian hadapan- ruang muazin). Lantai diperbuat dari konkrit dengan kemas Jubin. Ruang ini turut dihiasi dengan kisi-kisi (papan tebuk) yang diperbuat dari papan kayu dan dipasang di bahagian hujung lantai serambi sebagai penghadang.	Senibina rumah melayu lama
Bukaan (pintu dan tingkap)	Pintu dan tingkap adalah diperbuat dari kayu keras. Daun pintu dibuka ke arah dalam masjid. Tingkap dan pintu dilengkapi dengan selak sebagai pengunci bukaan.	Senibina rumah melayu lama
Tangga	Tangga masjid diperbuat daripada binaan bata dan konkrit, dikemaskan dengan Jubin.	Senibina Cina melalui kemas Jubin
Ukiran dan ragam hias	Ukiran-ukiran banyak dilihat pada elemen dibahagian bumbung seperti papan meleh, perabung sulur bayu dan mahkota atap. Pada bahagian tingkap tidak terdapat ukiran (pada ketika kajian dijalankan) dan ruang bukaan dibahagian atas tingkap telah ditutup.	Perabung Sulur bayu dan mahkota atap adalah dari pengaruh senibina cina.

Berikut adalah ciri-ciri kelestarian Masjid Lama Kampung Parit Melana yang didapati dalam rekabentuk binaannya.

Elemen Kelestarian	Penjelasan
Bukaan	3 pintu dan 6 tingkap dengan saiz bukaan yang besar, membolehkan pengudaraan dan pencahayaan semulajadi sampai ke dalam ruang dalaman bangunan. Ruang di antara lapisan bumbung juga membenarkan peralihan udara panas dan digantikan dengan udara sejuk bagi memberi keselesaan termal terhadap pengguna.
Bahan Binaan	Bahan binaan bagi komponen struktur dan bukaan bangunan adalah dari kayu keras yang tahan lasak. Bahagian lainnya (dinding, lantai, papak tiang) menggunakan bata yang diperbuat daripada tanah laterit. Begitu juga bagi komponen seperti ragam hias yang dibuat daripada batu karang yang dihancurkan dan dibentuk menjadi satu arca.
Pelan Bangunan	Pelan bangunan yang terbuka, iaitu tanpa adanya sekat atau dinding pemisah bagi ruang dalaman. Berbentuk segi empat sama dan setiap sisi mempunyai bukaan, ia mengoptimalkan keperluan pengudaraan dan pencahayaan semulajadi ke dalam bangunan.
Pembinaan	Pembinaannya menggunakan tenaga tempatan dan seni pertukangan melayu nusantara melalui sistem pasak dan tanggam yang boleh dilihat pada struktur utama bangunan.

Rekabentuk	Rekabentuk bangunan yang dibina tinggi (raising floor) dan bertangga adalah merujuk kepada senibina rumah melayu lama. Ia bertujuan untuk mengelakkan binatang naik ke dalam ruang bangunan serta mempunyai elemen untuk memberi keselesaan termal. Bumbung juga dibina tinggi dan bercuram bagi melancarkan pengaliran air hujan serta membantu pengudaraan yang baik bagi bahagian ruang atas bangunan. Bahagian sisi yang berongga membantu membenarkan peredaran udara panas keluar yang terperangkap di ruang dalam bumbung melalui kaedah 'kesan timbunan' (stack effect).
------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang telah dibuat terhadap Masjid Warisan Kampung Parit Melana ini, adalah di dapati bahawa senibina masjid di Melaka mempunyai keunikan yang tersendiri yang membezakannya dari senibina masjid lama di negeri yang lain. Ciri-ciri senibina tempatan dan pengaruh penjajah serta pedagang yang datang ke Melaka telah menjadikan senibina masjid lama di Melaka unik. Masjid ini yang dibina sekitar tahun 1900 telah memberi bukti tentang pengaruh kesenibinaan nusantara terhadap pembinaannya.

Dari sudut pandangan pengkaji, masjid ini dibina sekadar memenuhi keperluan penduduk setempat kerana kurangnya ornamentasi yang berlebihan diadaptasikan dalam pembinaannya. Ia dibina hampir dua abad lebih lewat daripada masjid terawal di Melaka dan pembinaannya adalah atas ehsan penduduk kampung yang menerima kedatangan agama Islam. Kelewatan ini juga disebabkan oleh kependudukan perkampungan ini yang tidak seramai berbanding penduduk yang tinggal berhampiran pesisir pantai yang menerima ajaran Islam lebih awal dari kawasan yang terletak di pedalaman. Jika melihat kepada teori kedatangan Islam ke Tanah Melayu, pengaruh kesenibinaan Islam dalam pembinaan rumah-rumah ibadah ini adalah hasil dari aktiviti pemerdagangan yang berlaku di sekitar bandar Melaka dahulu.

Hasil daripada kajian ini juga di dapati bahawa senibina masjid ini banyak memenuhi ciri-ciri iklim setempat serta penggunaan bahan-bahan tempatan dalam pembinaannya. Penggunaan bahan dan teknologi dalam pembinaannya telah memberi satu bentuk pengetahuan khususnya dari sudut pensejarahan dan ini sekaligus adalah bukti penting yang seharusnya dipelihara.

Secara amnya, senibina masjid lama di Melaka perlulah dipelihara kerana ia merupakan bukti tinggalan yang kukuh dalam mempelajari teori senibina tempatan. Bangunan masjid lama ini adalah salah satu bukti warisan penting yang dapat melambangkan identiti dan asal usul sesebuah negara. Aktiviti pemeliharaannya melalui kerja-kerja pembaikan adalah untuk memastikan kelangsungan penggunaannya kerana kehilangan warisan ketara ini merupakan satu kerugian buat negara dan juga kepada generasi akan datang. Jika ianya musnah akibat kekusangan, kehilangannya boleh diibaratkan sebagai 'patah tak tumbuh, hilang takkan berganti'.

PENGHARGAAN

Pengarang ingin berterima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia di atas

sokongan melalui Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2017-111), Dana Cabaran Perdana (DCP-2017-008/5), Geran Galakan Penyelidikan (GGP-2017-028) dan juga penyelidikan-penyelidikan dari studio rekabentuk Tahun 2 sesi 2018/2019.

RUJUKAN

- [1] Budin, O. (2018, April 10). Kampung Parit Melana (temuramah oleh Shahril Ezral Shahril Izuan)
- [2] Latif, L. (2018, April 18). Masjid Warisan Kampung Parit Melana. (T. L. Fun, Penemuramah)
- [3] PERZIM (Perbadanan Muzium Melaka) (2016) Laporan Akhir Cadangan Kerja-kerja Konservasi Masjid Lama Kampung Masjid Melana, Mukim Durian Tunggal, Daerah Alor Gajah, Melaka, disediakan oleh Sinar Akireka
- [4] Politeknik Merlimau. (2014). Measured Drawing Masjid Lama Kampung Parit Melana. Course CA602 – Measured Drawing, Diploma of Architecture.
- [5] Sahat, K. (2018, April 11). Masjid Kampung Parit Melana. (N. Najihah, Penemuramah)
- [6] Toh Lai Fun, Shahril Ezral bin Shahril Izuan, Izyan Izzati binti Mohd Zamri, Ahmad Fikry Khairy bin Ahmad Mustafa, Ang Pheik Yee, Nur Najihah binti Shahrudin, Nor Salwati binti Saidin, Mohd Farid Mohamed & Suhana Johar.